

PERMASALAHAN KANAK-KANAK DALAM ISLAM
DAN TUNTUTAN HADBARAH DI DALAM
MAHKAMAH SYARIAH
NEGERI KEDAH

OLEH:

HJ. ABDUL HALAM BIN HJ. ABD. RAHMAN

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA

1985 / 86



الجامعة الإسلامية العالمية ماليزيا
INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA
بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PERMASALAHAN KANAK-KANAK DALAM ISLAM
DAN TUNTUTAN HADHANAH DI DALAM
MAHKAMAH SYARIAH
NEGERI KEDAH.

oleh:

HJ.ABDUL HALIM BIN HAJI ABD.RAHMAN

Kertas Projek
Untuk
DIPLOMA UNDANG-UNDANG DAN PENTADBIRAN
KEHAKIMAN ISLAM.

Kulliah Undang-Undang
Universiti Islam Antarabangsa
Petaling Jaya
1985/1986.

ISI KANDUNGAN

PEMDAHULUAN	1 - 11
PENGHARGAAN	iii- iv

PERBAHASAN PERTAMA:

PERMASALAHAN MENSABITKAN KETURUNAN KANAK-KANAK.

1. Pengawasan Syarak Terhadap Keturunan	1
2. Kaedah Syarak Di dalam Mensabitkan Keturunan Kanak-Kanak	2
2.1 Sebab Pertama: Bersekedudukan Yang Sah	3
2.1.1 Syarat-Syarat Bagi Mensabitkan Keturunan Dengan Bersekedudukan Yang Sah	4
2.2 Sebab Kedua: Mensabitkan Keturunan Kanak-Kanak Ialah Dengan Pengakuan	8
2.3 Sebab Ketiga: Mensabitkan Keturunan Kanak-Kanak Ialah Sabit Nasab Atau Keturunan Dengan Keterangan	12
3. Kedudukan Kanak-Kanak Nisbah Pada Sabitan Nasabnya Dan Beberapa Masalah	13

PERBAHASAN KEDUA:

PERMASALAHAN PENYUSUAN KANAK-KANAK.

1. Hukum-Hukum Mengenai Penyusuan Kewajipan dan Hak Penyusuan Kanak-Kanak.	17
2. Kesimpulan	19
3. Masalah Upah Menyusu dan Hukumnya	20
4. Kesan Penyusuan Terhadap Kanak-Kanak	21

5. Syarat-Syarat Bagi Mensabitkan Haram Nikah Kerana Penyusuan	23
1) Syarat Bagi Perempuan	
2) Syarat Pada Kanak-Kanak	
3) Syarat Pada Bilangan Menyusu	

PERBAHASAN KETIGA:

PERMASALAHAN NAFKAH KANAK-KANAK.

1. Orang Yang Wajib Memberi Nafkah Kanak-Kanak	27
2. Siapakah Yang Wajib Memberi Nafkah Kanak-Kanak Yang Tiada Bapa	32
3. Permasalahan Nafkah Kanak-Kanak Yang Tidak Ditunai, Adakah Luput Dengan Berlalu Masa	32

PERBAHASAN KEEMPAT:

PERMASALAHAN HADHANAH KANAK-KANAK.

1. Pengertian Hadhanah	35
2. Pendapat Penulis	35
3. Orang Yang Berhak Menjadi Penjaga Kanak-Kanak	36
4. Susunan Orang-Orang Yang Berhak Menjadi Penjaga Kanak-Kanak	38
5. Syarat-Syarat Kelayakan Orang-Orang Yang Hendak Menjadi Penjaga	42
6. Tempoh Hadhanah	44
7. Kesimpulan	49
8. Permasalahan Upah Hadhanah	49

PERBAHASAN KELIMA:

PERBINCANGAN MENGENAI HADHANAH DI DALAM ENAKMEN
KELUARGA ISLAM NEGERI KEDAH TAHUN 1979 DAN BIDANG
KUASA MAHKAMAH SYARIAH NEGERI KEDAH.

- | | |
|--|----|
| 1. Seksyen-Seksyen Yang Mengenai Hadhanah
Dalam Enakmen Keluarga Islam Negeri Kedah 1979. | 54 |
| 2. Ulasan Penulis | 60 |
| 3. Pendapat Penulis Mengenai Dengan Undang-Undang
Ini Dalam Bahagian Hadhanah | 63 |
| 4. Cadangan Penulis | 66 |

PERBAHASAN KEENAM:

HURAIAN MENGENAI KES-KES TUNTUTAN HADHANAH
DALAM MAHKAMAH SYARIAH NEGERI KEDAH,
PERLAKSANAAN PERINTAH DAN KAJIAN PENULIS.

- | | |
|---|----|
| 1. Kes-Kes Tuntutan Hadhanah Di Mahkamah
Syariah Negeri Kedah Dalam Masa Lima Tahun
Dari Tahun 1980 - 1985. | 69 |
| 2. Sebab-Sebab Kurangnya Tuntutan Hadhanah
Di Negeri Kedah. | 71 |
| 3. Kajian Kes Hadhanah | 73 |
| 1. Kajian Mengenai Fakta | |
| 2. Undang-Undang | |

BAHAN-BAHAN RUJUKAN

96

PENDAHULUAN

الحمد لله رب العالمين ، والصلاة والسلام على سيدنا
محمد اشرف الانبياء والمرسلين وعلى اله وصحبه اجمعين.

Kertas projek ini yang diberi judul 'Permasalahan Kanak-Kanak Dalam Islam Dan Tuntutan Hadhanah Di Dalam Mahkamah Syariah Negeri Kedah'. Saya selaku penulisnya akan berusaha sekadar mungkin mempersembahkan dan menjelaskan beberapa permasalahan dan hukum-hukum di dalam perundangan Islam yang khusus bagi kanak-kanak.

Kanak-kanak adalah sebahagian yang tidak boleh diasingkan daripada anggota sesuatu keluarga, maka keluargalah yang diberi tanggungjawab berat untuk memberi penjagaan, perlindungan dan asuhan serta mentadbirkan masalah-masalah kanak-kanak secara keseluruhannya, khususnya yang mengenai pertumbuhan jasmani dan perkembangan rohaninya, oleh itu Syariat Islam yang mencakupi segenap aspek kehidupan manusia mempunyai perundangan serta hukum-hukum yang paling lengkap sekali di dalam mengendalikan permasalahan kanak-kanak, supaya dengan itu setiap permasalahannya dapat diselesaikan oleh Islam.

Di dalam menganalisa persoalan ini, penulis akan menumpukan perbincangan serta huraian dan memberi pandangan di sekitar enam permasalahan, iaitu:

- Pertama : Permasalahan mensabitkan keturunan kanak-kanak.
- Kedua : Permasalahan Penyusuan kanak-kanak.
- Ketiga : Permasalahan nafkah kanak-kanak.
- Keempat : Permasalahan hadhanah kanak-kanak.
- Kelima : Perbincangan mengenai hadhanah di dalam Enakmen
 • Keluarga Islam Negeri Kedah 1979 dan Bidang Kuasa
 Mahkamah Syariah Negeri Kedah.
- Keenam : Huraian mengenai kes-kes tuntutan hadhanah dalam
 Mahkamah Syariah Negeri Kedah, pelaksanaan
 perintah, ulasan penulis.

Di dalam perbincangan mengenai dengan tajuk ini, penulis berlandaskan kepada kitab-kitab Fiqah di dalam Mazhab Imam Shafie, dan cuba menghuraikan juga sedikit sebanyak pendapat-pendapat mazhab yang lain sekadar yang boleh, yang penulis fikirkan baik, di samping merujuk kepada sumber Al Quran dan Al Hadis.

Semoga usaha yang kecil dan serba kekurangan ini menjadi manfaat dan diterima oleh Allah.

Amin.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dengan sepenuh hati, penulis bersyukur kepada Allah Subhanahu Wataala kerana dengan hidayah dan taufiknya dapat disempurnakan latihan ilmiah ini walaupun di dalam serba serbi kekurangan.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan penulis ucapkan kepada tuan-tuan pensyarah di kulliah undang-undang Universiti Islam Antarabangsa ini yang telah banyak mencurahkan ilmu pengetahuan dan bimbingan selama masa penulis berada di sini bagi mengikuti Kursus Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih dan penghargaan khas ditujukan kepada Dekan Kulliah Undang-Undang, Yang Berbahagia Tuan Prof. Madya Razali Nawawi dan kepada Tuan Penyelia kertas projek ini, Tuan Prof. Madya Haji Salleh bin Hj. Buang, kerana telah banyak memberi pertolongan dan bimbingan sehingga penulis dapat sempurnakan tanggungjawab yang ditugaskan, seterusnya ucapan terima kasih kepada sakelian pihak universiti yang telah banyak memberi perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan sehinggalah penulis sampai kepada kejayaan.

Dan juga ucapan terima kasih kepada semua pihak yang memberi sumbangah dan kerjasama kepada penulis, sama ada yang menyerupai material atau dorongan di dalam menyiapkan kertas projek ini.

Semoga Allah membalas ganjaran yang sebaik-baiknya di atas jasa dan bakti yang telah dicurahkan kepada penulis.

Amin Ya Rabbal'Alamin.

PERBAIHAN PERTAMA

PERMASALAHAN MENSABITKAN

KETURUNAN KANAK-KANAK

1. PENGAWASAN SYARAK TERHADAP KETURUNAN

Syariat Islam adalah suatu syariat yang sangat memelihara kepentingan nasab dan keturunan seseorang manusia daripada menjadi luput, pendustaan, pemalsuan, kecacatan dan sebagainya, oleh itu menyelesaikan permasalahan nasab atau keturunan itu menjadi topik utama dan soal pokok yang mesti diutamakan terlebih dahulu di atas yang lain-lain.

Syariat Islam telah menetapkan bahawa penentuan keturunan itu suatu hak kepada seseorang kanak-kanak, yang dengannya ia mempertahankan diri daripada aib dan luput, dan suatu hak kepada ibu, untuk menangkiskan daripada keaipan dan sebarang tuduhan yang tidak baik terhadap diri dan kehormatannya, dan ia juga suatu hak kepada bapa agar menjaga keturunan anaknya daripada hilang ataupun dinasabkan kepada orang lain.

Syariat Islam menjadikan hukum-hukum mengenai keturunan sebahagian daripada peraturan am yang dinamakan Hak Allah, bertujuan menjaga keturunan daripada sebarang kecemaran dan kesangsian dan supaya terbentuk sebuah keluarga dan wujud kaum kerabat di atas asas-asas yang tegap, yang boleh mencantumkan anggota-anggota keluarga di atas ikatan yang kuat dan rapi, dan mempunyai sistem

yang sempurna yang boleh melahirkan perasaan bertanggungjawab dan bersefahaman di antara anggota-anggotanya yang terdiri daripada kesatuan darah dan keturunan yang sama.

2. KAEDAH SYARAK DI DALAM MENSABITKAN KETURUNAN KANAK-KANAK

Syariat Islam tidak membiarkan persoalan menentukan keturunan atau mensabitkan nasab di tangan orang-orang yang tertentu yang boleh mereka menentukannya di kala mereka suka atau menolaknya di kala mereka tidak suka, akan tetapi telah menetapkan bahawa sesuatu keturunan itu hendaklah ditentukan dengan salah satu daripada tiga sebab iaitu:

- Pertama : Dengan bersekedudukan yang sah. (الفرائض)
 Kedua : Dengan pengakuan. (الاقرار)
 Ketiga : Dengan keterangan. (البينة الشرعية)

Di samping itu syariat Islam menetapkan pula kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang menjamin bahawa sebab-sebab itu boleh menentukan keturunan seseorang kanak-kanak itu sah dan betul, yang mana akan dibicarakan dengan jelas tiap-tiap satu daripada sebab-sebab itu seperti yang akan datang ini.

2.1 SEBAB PERTAMA: (BERSEKEDUDUKAN YANG SAH)

Dimaksudkan dengan bersekedudukan yang sah, ialah wujud bersekedudukan di antara seorang lelaki dengan seorang perempuan yang menjadi suami isteri dengan perkahwinan yang sah di sisi syarak, yang menyebabkan si isteri mengandung, apabila si isteri itu melahirkan anak yang ia telah mengandung daripada suaminya itu, maka anak itu disabitkan keturunan kepada suaminya yang tersebut, tanpa berhajat kepada pengakuan si suami tentang kebapaannya dan tidak memerlukan keterangan lagi bagi membuktikan yang demikian itu.

Sesungguhnya syariat telah memutuskan bahawa keturunan itu sabit hanya dengan bersekedudukan yang sah sahaja tanpa bergantung kepada kenyataan-kenyataan yang lain kerana sebab hakiki iaitu perhubungan antara seorang lelaki dengan seorang perempuan yang melahirkan anak adalah suatu perkara sulit yang tidak terikat dengannya sebarang hukuman, maka tempat itu diganti dengan akad nikah yang sah yang mengikat isteri itu kepada suaminya sahaja, di mana tidak halal baginya untuk melakukan perhubungan dengan selain daripada suaminya, dan tidak bergaul dengannya dengan pergaulan yang disangsikan, dengan sebab itu tujuan asasi dalam bersekedudukan perkahwinan ialah mengikat manusia supaya berada di dalam kebaikan dan landasan yang lurus, tidak boleh disangkal

sehinggalah dibuktikan sebaliknya, di dalam hal ini Rasulullah telah bersabda:

الولد للنراش وللناهر الحجر. (1)

Maksudnya: Anak bagi yang bersekedudukan yang sah, dan bagi yang berzina ialah rejam.

2.1.1 SYARAT-SYARAT BAGI MENSABITKAN KETURUNAN DENGAN BERSEKEDUDUKAN YANG SAH

Bagi mensabitkan keturunannya seseorang kanak-kanak-daripada bersekedudukan yang sah hendaklah mempunyai empat syarat:

Pertama: Wujud kemungkinan berlaku hamil dari kelakuan perhubungan dan pergaulan antara suami isteri, misalnya si suami seorang yang sudah baligh ataupun umurnya hampir-hampir baligh, sekiranya suami itu kecil tidak boleh menyebabkan hamil, maka anak yang dilahirkan oleh isterinya tidak boleh dinasabkan atau disabitkan keturunannya kepada suami itu; demikian juga jika suami itu seorang yang sudah baligh akan tetapi tidak pernah bertemu dengan isterinya sama sekali seumpama perkahwinan yang dilakukan secara wakil dan antara suami isteri masing-masing tinggal berjauhan sekira-kira tidak ada kemungkinan mereka bertemu dan bersekedudukan, tiba-tiba si isteri hamil dan melahirkan anak, di dalam keadaan demikian anak

(1) نيل الاوطار , juzuk 6, muka surat 279.

itu tidak boleh dinasabkan kepada keturunan suami tersebut, dengan alasan tidak ada kemungkinan suami isteri itu bertemu dan bersekedudukan. (امكان الاجتماع)

Kedua: Hendaklah isteri melahirkan anak se-kurang-kurangnya enam bulan dari tarikh akad nikahnya kerana yang demikian ialah tempoh mengandung yang paling pendek di segi syarak iaitu enam bulan menurut persetujuan sekalian ahli-ahli fekah, dengan mengambil dalil daripada Al Quran, iaitu firman Allah:

ووصينا الانسان بوالديه احسانا حملته امه
 كبريا ووضعتة كرميا وحمله وفساله ثلثون
 شهرا . (2)

Maksudnya: Dan kami wajibkan manusia supaya berbuat kebaikan kepada ibu bapanya, ibunya telah mengandung dengan susah payah dan telah melahirkannya dengan menanggung susah payah, sedang tempoh mengandungnya berserta dengan tempoh menceraikan susu ialah dalam masa tiga puluh bulan.

(2) Surah Al Ahqaf, ayat 15.

Dan firmanNya lagi:

ووصينا الانسان بوالديه حملته امه
 وهما على وهن ونصالة في عامين. (3)

Maksudnya: Dan kami telah mewasiatkan kepada manusia supaya berbuat baik kepada ibu bapanya, ibunya telah mengandung akan dia dengan menanggung kelemahan demi kelemahan dari awal mengandung hingga akhir menyusunya dan tempoh menceraikan susunya dalam masa dua tahun.

Dari keterangan ayat yang pertama telah menetapkan bahawa masa mengandung dan menyusu, kedua-duanya mengambil masa tiga puluh bulan, manakala ayat yang kedua pula menetapkan bahawa menyusu mengambil masa dua tahun, dengan itu tempoh mengandung sahaja ialah enam bulan.

Ini adalah mengikut tafsiran yang dibuat oleh seorang sahabat yang ulung iaitu Saidina Abdullah Ibnu Abbas.

Ketiga: Hendaklah berlaku kelahiran anak dalam tempoh kurang daripada dua tahun daripada tarikh perpisahan suami isteri iaitu dengan perpisahan atau perceraian suami mati, akan tetapi jika berlaku perceraian hidup iaitu

(3) Surah Luqman , ayat 14 .

dengan talak, maka sepanjang-panjang tempoh-empat tahun.

Oleh yang demikian, jika seseorang perempuan melahirkan anak selepas daripada tempoh-tempoh yang disebut di atas, maka anak itu tidak boleh dinasabkan kepada bekas suaminya.

Akan tetapi pendapat dalam Mazhab Hanafi berbeza iaitu dengan menetapkan masa kelahiran anak itu hendaklah kurang daripada dua tahun bagi perpisahan antara suami isteri dengan gerai mati atau dengan talak Bain.

Adapun jikalau berlaku perpisahan dengan talak Raj'i, maka anak yang dilahirkan itu sabit nasab kepada suaminya pada bila-bila masa sahaja anak itu dilahirkan sekalipun telah berlalu masa dua tahun atau lebih daripada talak itu, selagi ia tidak mengaku putus eddahnya selepas perceraian dengan suaminya itu, ketetapan ini dibuat adalah dengan anggapan kemungkinan si suami telah merujuk akan dia dalam eddah yang kadangkala mengambil tempoh yang panjang apabila masa sucinya panjang, oleh itu anak yang dilahirkan hasil daripada berskedudukan yang sah yang berpanjangan masa rujuk.

Keempat: Hendaklah suami tidak membuat penafian nasab atau keturunan anak itu dengan secara Li'an (لئان), jika sekiranya ia menafikan keturunan itu dengan Li'an terhadap isterinya mengikut syarat-syarat yang dikehendaki syarak, maka terbatallah sabit keturunan anak itu kepada suaminya.

Apabila berlaku Li'an antara suami isteri di muka pengadilan, bererti bahawa si suami mengakui kelahiran anak oleh isterinya, tetapi ia menyangkal anak yang dikandung oleh isterinya itu daripada maninya sendiri, dengan itu ia mengengkari pensabitan keturunan si anak itu kepadanya.

2.2 SEBAB KEDUA: MENSABITKAN KETURUNAN KANAK-KANAK IALAH DENGAN PENGAKUAN

Dimaksudkan dengan pengakuan ialah suatu pengakuan atau ikrar yang dibuat oleh seseorang dengan mengakui bahawa seseorang kanak-kanak atau mana-mana orang sebagai anaknya sendiri atau anaknya yang sah, maka dengan pengakuannya itu mensabitkan keturunan kanak-kanak atau orang itu kepada si pengaku.

Untuk mensabitkan keturunan atau nasab secara pengakuan ini hendaklah dengan mencukupi empat syarat.

PERTAMA: Hendaklah kanak-kanak yang diperakui itu

kan kepada si pengaku, jikalau yang diperakui itu telah diketahui keturunannya, perakuan itu tidak sah dan dengan itu tidak timbul apa-apa kesan dari segi undang-undang, kerana keturunan yang telah sabit bukanlah milik si pengaku untuk dibatalkannya, serta sesuatu keturunan tidak boleh diiktiraf untuk dua orang lelaki dalam waktu yang sama.

KEDUA: Hendaklah mempunyai dalil-dalil yang nyata bagi menyokong pengakuan itu supaya boleh diterima, yang mana pada lahirnya tidak boleh dinafi, jikalau tidak ada dalil-dalil yang demikian, pengakuan itu tidak sah, misalnya seperti terdapat dalil menunjukkan orang yang diakui sebagai anak lebih tua usianya daripada si pengaku ataupun lebih muda usianya sekira-kira tiada diterima akal yang diakui sebagai anaknya, kerana dalil-dalil menunjukkan pengakuan itu tidak boleh diterima akal.

KETIGA: Hendaklah jangan ada orang yang membuat pengakuan atau ikrar itu menyatakan bahawa anak yang diakuinya itu terjadi dengan zina, jika ia menyatakan demikian tidaklah sabit nasab kepadanya, dan ditolaklah kehendaknya kerana ia telah menyalahgunakan maninya secara yang haram.

Bahawa sesungguhnya nasab dan keturunan itu suatu nikmat yang dikurniakan oleh Allah kepada hamba-hambanya sepertimana firman Allah:

والله جعل لكم من انفسكم ازواجاً وجعل لكم
من ازواجكم بنين ومفدة . (4)

Maksudnya: Dan Allah telah menjadikan bagi kamu isteri-isteri dari diri kamu sendiri, dan ia jadikan juga bagi kamu daripada isteri-isteri kamu itu anak pinak dan cucu cicit.

Bahawa nikmat-nikmat itu tidak dihasilkan daripada perbuatan jenayah zina kerana ekoran daripada perbuatan jenayah itu ialah kemurkaan Allah, maka tidaklah sabit sesuatu keturunan dengan jarimah zina, hal ini juga Rasulullah ada menerangkan dengan sabdanya: (وللماهر الحجر) iaitu bagi penzina direjam dengan batu, maka difaham dari keterangan-keterangan ini, bahawa tidaklah ada keturunan bagi penzina, bahkan balasan baginya ialah kekecewaan dan kesiksaan.

Dengan kaedah ini, telah ditetapkan bahawa orang yang membuat pengakuan itu tidaklah disoal tentang sebab-sebab mengapa ia membuat pengakuan itu jika ia tidak menjelaskannya kerana konsep umum manusia

(4) Surah An Naml, ayat 72.

mestilah dianggap baik dan bertujuan baik sehinggalah pengakuannya dibuktikan sebaliknya, apabila orang yang membuat pengakuan menyatakan zina sebagai alasan bagi si anak, jadilah si anak itu telah dipersia-siakan dan tidaklah boleh diiktiraf lagi.

Akan tetapi di dalam Mazhab Maliki dinyatakan, wajib juga bagi si pengaku mengemukakan alasan-alasan yang membawa ia mengaku tentang keturunannya kanak-kanak yang diakui itu, jika didapati ada tanda-tanda lahir yang bertentangan, seumpama didapati yang diakuinya itu seorang anak pungut (لفييا) ataupun didapati si pengaku itu seorang yang berpenyakit yang tiada ada upaya bagi melahirkan anak, ini adalah bertujuan berjaga-jaga (احتيايا) dalam hal keturunan yang berkaitan dengannya hukum-hukum halal dan haram.

Bagi Imam Ibnu Taimiyah pula mempunyai pendapat yang berlainan, iaitu ia menyatakan anak zina daripada perempuan yang belum berkahwin sabit keturunannya, iaitu dengan memandang kepada sabit pada hakikat apa yang sebenar berlaku, atau realiti yang berlaku kerana perkara zina ini telah ditentukan balasannya ke atas pelakunya di dunia dan di akhirat.

KEMPAT: Hendaklah orang yang diakui membenarkan di atas pengakuan yang dibuat terhadapnya, jika ia seorang yang mumaiyiz dan ahli, kerana pengakuan sebagai anak itu, merupakan sebagai dakwa seseorang terhadap orang lain yang mana orang yang didakwa pula boleh mempersetujui di atas dakwaan itu jika didapatinya benar, dan ia seorang ahli yang berkemampuan berbuat demikian.

Sebaliknya jika ia bukan seorang ahli untuk memberi pengakuan, seperti kanak-kanak yang belum mumaiyiz sabitlah keturunan dengan semata-mata pengakuan yang disokong oleh kenyataan-kenyataan yang lain, kerana kemaslahatan pendidikan kanak-kanak kecil di dalam menjabitkan keturunannya terletak ditangan orang yang membuat pengakuan, supaya seseorang kanak-kanak itu tidak menjadi orang yang tidak tentu keturunannya.

2.3 SEBAB KETIGA: MENSABITKAN KETURUNAN KANAK-KANAK IALAH SABIT NASAB ATAU KETURUNAN DENGAN KETERANGAN

Bahawa keturunan boleh disabitkan dengan keterangan Syar'ii iaitu keterangan dengan dua orang saksi lelaki, atau seorang lelaki dan dua orang perempuan, sama ada keturunan itu secara langsung atau tidak langsung.

Apabila seseorang itu mendakwa atas orang lain akan orang itu anaknya atau cucunya, sedangkan orang yang kena dakwa itu memolak dakwaan itu, maka si- yang mendakwa hendaklah membuktikan pendakwaannya

itu dengan keterangan-keterangan sehingga disabitkan oleh pihak yang berkuasa pengadilan, yaitu dengan memberi hukuman sabit nasab orang yang didakwa kepada yang mendakwanya, dan menganggapnya sebagai keturunan hakiki yang ditetapkan di atas dasar syarak dan dengan itu sabit pulalah kesan-kesan syar'ii mengendainya.

Di sini jelaslah satu hakikat yang nyata bahawa bersekedudukan secara sah dan hukum-hukum mengendainya, adalah sebab yang hakiki yang mensabitkan keturunan, sementara sebab-sebab yang kedua dan ketiga iaitu pengakuan dan keterangan syarak adalah sebab zahiri yang menunjukkan wujudnya sebab hakiki.

3. KEDUDUKAN KANAK-KANAK NISBAH PADA SABITAN NASABNYA DAN BEBERAPA MASALAH

Sehubungan dengan perbahasan ini, penulis membuat sedikit kesimpulan ringkas bahawa di dalam Islam seseorang kanak-kanak di pandang dari segi sabit nasabnya ada sebanyak lima jenis kanak-kanak:

1. Kanak-kanak yang dilahirkan daripada bersekedudukan yang sah hasil daripada perkahwinan yang sah, kanak-kanak ini dihukumkan sabit nasabnya kepada bapa secara mutlak.
2. Kanak-kanak yang dilahirkan daripada bersekedudukan luar nikah atau dengan zina, kanak-kanak ini di-

hukumkan sabit nasabnya bagi ibu sahaja, tidak sabit nasab bagi bapa. Kanak-kanak ini di sisi undang-undang keluarga Islam dinamakan ANAK TIDAK SAI TARAF.

3. Kanak-kanak yang dilahirkan daripada bersekedudukan secara wati syubhah (iaitu bukan dengan perkahwinan yang sah dan bukan berupa zina). Kanak-kanak ini dihukumkan sabit nasabnya bagi bapa, dinamakan ANAK WATI SYUBHAH.
4. Kanak-kanak yang lahir sesudah berlaku Li'an (لئان) antara suami isteri yang telah bernikah dengan sah dan bersekedudukan secara sah. Kanak-kanak ini dihukumkan tidak sabit nasab bagi bapa, ia dinamakan ANAK LI'AN.
5. Kanak-kanak yang tidak diketahui nasabnya yang diambil daripada tempat buangan atau di persimpangan jalan yang dicampak oleh ibunya atau keluarganya kerana takut dituduh zina atau kerana takut malu atau papa atau sebagainya. Kanak-kanak ini dinamakan ANAK PUNGUT dan dihukumkan sabit nasab kepada pemungutnya.
6. Dihukumkan Islam kanak-kanak kafir yang belum baligh apabila kedua ibu bapanya atau salah seorang daripada keduanya memeluk Islam.